

# GOTHIK REMAJA MELAYU SEMAKIN PARAH

TIDAK sukar untuk mengenali pengikut gaya hidup Gothik. Penampilan yang pelik terutama dari segi pakaian dan solekan merupakan identiti mereka. Fesyen pakaian mereka begitu unik, walaupun pada pandangan sesetengah orang tidak masuk akal. Mereka tetap bersahaja, walau semua orang memandang.

"Inilah fesyen. Biarlah apa-apa orang kata, kami tidak minta duit daripada orang ramai. Beginilah cara kami untuk berseronok dan mengisi usia remaja kami," kata mereka.

Rata-rata mereka ialah remaja belasan tahun - masih bersekolah dan tentunya mempunyai tanggungjawab sebagai pelajar. Sudahlah berpakaian pelik, lebih pelik lagi, sebagai pelajar tentu mereka tidak mempunyai banyak wang untuk keluar berseronok, membeli baju yang berjenama, dan makan di restoran makanan segera yang agak mahal harganya. Jadi, pastinya wang tersebut diberikan oleh ibu bapa mereka.

Beberapa buah kompleks beli-belah terkemuka di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, menjadi "markas" pertemuan rakan dan kenalan baharu yang sealiran. Mereka cukup akrab. Bagi yang lelaki ada gaya tersendiri untuk mengucapkan salam perkenalan. Begitu juga dengan remaja perempuan. Bergesel pipi menjadi kemestian apabila bertemu rakan sealiran.

Bagi orang yang kali pertama melihat kelibat mereka pasti terpinga-pinga. Tidak kurang yang menoleh dua kali. Ada yang tersenyum, tidak kurang juga yang menggelengkan kepala. Bagi mereka tidak ada yang pelik. Sekadar berfesyen kata mereka.

Melihat telatah dan gaya mereka, tidak jauh bezanya dengan zaman kebangkitan muzik *Rock N' Roll* dahulu - semasa era kebangkitan *Glam Rock* dan *New Wave* yang dipelopori oleh pemuzik Britain seperti Duran Duran yang menyaksikan remaja

lelaki ketika itu tergilagilakan fesyen rambut ala Duran Duran - bersolek nipis, mengenakan gincu, dan bercelak!

Begitulah hebatnya pengaruh muzik yang kemudiannya bercambah menjadi cabang budaya. Inilah yang berlaku sekarang terhadap remaja yang mengikut gaya hidup Gothik. Modus operandi gaya hidup Gothik ini berkembang dan menyusup masuk dalam jiwa remaja hari ini - sama seperti yang melanda remaja yang dahulunya fanatik kepada *Rock N' Roll* atau *New Wave*.

Sebenarnya gaya hidup Gothik bukan sesuatu yang baharu. Cuma kebelakangan ini ia begitu menonjol di negara ini. Di Barat, Gothik ini sudah bertapak dan berkembang sejak 1980-an. Malah di Jepun sendiri cukup terkenal dengan Gothik *Lolita* - penampilan gadis remaja yang cukup pelik sehingga menjadi daya tarikan pelancong.

Perkara yang serupa sekarang sedang berlaku di negara ini. Fesyen pelik yang digayakan oleh mereka menjadi tarikan umum. Jika sekadar berseronok menampilkan fesyen yang pelik tidak menjadi masalah, tetapi kadangkala tingkah laku mereka yang mengundang rasa meluat. Apatah lagi jika anak gadis dan remaja lelaki yang masih bersekolah bergaul bebas, tanpa mempedulikan mata yang memandang.

Memerhatikan gelagat mereka dengan lebih dekat menimbulkan banyak pertanyaan di fikiran. Apakah yang mereka buat? Siapakah yang mereka ikut? Adakah tindakan mereka melambangkan kemajuan dan kebebasan memilih? Penulis sempat menyelami hati beberapa orang remaja Gothik ini untuk mengetahui cerita sebenar di sebalik penampilan dan gaya pelik yang ditonjolkan oleh mereka. "Saya seperti remaja lain. Saya hanya ingin bergaya da ada kelainan. Saya tidak pernah melakukan perkara yang tidak baik. Namun, saya da

**BERFESYEN**  
pelik menjadi  
gaya ikutan  
remaja Gothik.

kawan-kawan marah apabila surat khabar dan majalah mengaitkan kami dengan perkara yang tidak baik. Mereka tuduh kami menghisap rokok, minum arak, dan mengamalkan seks bebas.

"Jangan ambil gambar kami. Tolonglah. Sebelum ini ada gambar kami keluar dalam majalah. Walaupun muka saya dan kawan-kawan ditutup, apabila kami dikaitkan dengan perkara yang tidak baik, tentu ibu bapa kami marah," kata Illa, remaja yang masih menuntut di tingkatan tiga.

"Macam mana jika ibu bapa saya tahu? Walaupun muka kami ditutup, mereka tetap kenal anak mereka. Baju yang kami pakai ini menjadi bukti. Sebab mereka tahu dan saya keluar pakai begini pun minta kebenaran daripada mereka," sampuk Illa. Dari riak wajahnya jelas gadis remaja ini serba salah.

"Sudahlah, semua ini hanya fesyen. Saya suka dan minat gaya ini. Walaupun orang nampak pelik, saya selesa. Jangan lihat dan nilai kami dari luaran. Mungkin ada segelintir pengikut Gothik yang berkelakuan tidak baik, tetapi janganlah

babitkan kami semua," kata Joe, pelajar tingkatan empat yang mungkin menjadi "pelindung" tiga orang rakannya yang lain.

Seorang lagi yang hanya ingin dikenali sebagai Zek pula menyampuk. Mereka agak kesal apabila penampilan pelik mereka sering dikaitkan dengan gejala yang tidak sihat. Apabila ditanya tentang penglibatan remaja Gothik dalam seks bebas dengan menjadikan tangga di bangunan kompleks beli-belah tersebut sebagai tempat berasmara, Zek pantas menjawab, "Kami tidak tahu dan tidak campur. Bukan semua budak Gothik berkelakuan begitu," katanya.

Illa yang memerhati rakan-rakannya memberikan pendapat untuk membela mereka pula mencelah, "Begini bang, kami keluar ini selepas sekolah. Kami sekolah pagi. Jadi petang baharu kami keluar. Itu pun bukan selalu. Cuma petang Jumaat, hari Sabtu dan Ahad. Masa inilah kami keluar jumpa kawan-kawan. Mak ayah kami tahu ke mana kami pergi. Malah mereka pun tidak bising dengan cara kami

berpakaian. Salahkah saya berpakaian begini semata-mata kerana mengikut naluri remaja? Saya yakin abang semasa remaja dahulu pun ada naluri dan jiwa seperti kami. Mesti ada pakai yang gila-gila," katanya cuba memerangkap.

Mereka mengakui dan sedar penampilan pelik mereka kadang kala mengundang pelbagai reaksi negatif masyarakat sekeliling. Boleh dikatakan setiap langkah mereka di perhatikan oleh orang ramai yang lalu-lalang.

"Saya tidak rasa pelik walaupun orang nampak kami pelik. Keluar rumah sahaja sudah ada mata yang memandang kami. Kemudian berbisik-bisik, ada yang senyum sinis, dan ada yang ketawakan kami. Bagi kami, biarlah apa-apa yang dikatakan oleh orang. Lantaklah apa-apa orang mahu kata. Walaupun ada yang meluat dan memandang sinis cara kami berpakaian, yang penting ada pelancong yang suka. Pernah ada sebuah keluarga pelancong Arab mendekati kami. Ajak kami bergambar. Mereka tertarik dengan kelainan dan keunikan pakaian kami. Mereka suka dan